

# 20 pelajar USIM jayakan program khidmat komuniti di China

SEREMBAN 23 Sept. - Pepatah Melayu, 'hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih' menjadi azimat kepada sekumpulan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menjayakan program khidmat komuniti merentas negara ke Kunming, China.

Program Misi Kembara Asimilasi di Bumi Kunming itu yang merupakan satu program di bawah Global Islamic Student Outreach (GISO) USIM itu telah disertai seramai 20 pelajar Unit Latihan Pembangunan Mahasiswa (ULPM) baru-baru ini.

Menurut pelajar tahun akhir ju-

rusan Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko USIM, Nur Raihana Mohd. Nasir, 22, semasa di Kunming, mereka melaksanakan program khidmat komuniti di perkampungan Muslim yang terletak di Da BaiYi serta melibatkan pelajar Madrasah Kunchang dan Institusi Islam di Kunming.

"Kami diberi peluang mempelajari seni tulisan khat China Arab dengan Imam Masjid Nancheng, Imam Ahmed Ma Yong yang terkenal dalam menghasilkan kepelbagaian khat di China,"ujarnya yang juga pengarah

program tersebut.

Sementara itu, seorang peserta, Mohamad Akmal yang merupakan pelajar jurusan Teknologi Kimia Industri, turut mempersembahkan hasil seni tulisan khat yang dipelajarinya di Malaysia.

"Kita juga saling bertukar kefahaman budaya misalnya semasa bersama penduduk Kampung Shadian, peserta dihidangkan makanan tradisi China muslim seperti 'zhushi' iaitu makanan utama berasaskan karbohidrat dan kanji; 'cai' iaitu makanan yang bermacam-

purkan pelbagai jenis sayur-sayuran, daging dan ikan; mi sup dan 'mantou' (pau kukus).

"Kebetulan kita juga dapat melihat adat majlis perkahwinan China Muslim yang amat meriah di sana,"ujarnya.

Katanya lagi, penduduk kampung juga teruja apabila menikmati nasi impit berserta kuah lodeh, nasi lemak, teh tarik, kerepek dan kuih tradisional yang sediakan pelajar USIM.

"Di Stone Forest, pelajar dipakaikan pakaian tradisi China dan semasa mengadakan majlis

selawat di Shuncheng, kami menghadiahkan kerongsang kepada wanita-wanita muslim di sana untuk dipakai pada tudung mereka sebagai cenderamata.

"Manakala aktiviti mewarna turut diadakan khusus untuk kanak-kanak. Penerimaan mereka sangat mengujakan membuatkan kami rasa sebak untuk meninggalkan mereka," tambahanya.

Katanya lagi, masyarakat Islam di Da BaiYi, selain menggunakan Bahasa Mandarin, mereka juga lebih fasih menggunakan Bahasa Arab daripada Bahasa Inggeris.

Justeru itu, ia memberi pendedahan komunikasi berkesan kepada pelajar USIM yang boleh berbahasa Arab dan pada yang sama turut mempelajari Bahasa Mandarin.

Melalui program ini, hasrat Univeristi untuk menjalankan pemindahan ilmu berjaya disambut baik oleh peserta dengan pelbagai pengisian berfaedah selama di Kunming selain menimba ilmu dan kemahiran insaniah dalam bidang pengurusan untuk menjayakan program pengantarabangsaan seperti ini.